

TARIKH	24 / 10 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	30	RUANGAN	Setempat

Perluas kuota haji 1MDB

■ Bilal masjid, Orang Asli turut berpeluang terima tajaan

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@mediaprima.com.my
Sepang

Kuota haji bagi Program Khas Haji Perdana Menteri yang ditaja oleh 1Malaysia Development Bhd (1MDB) akan diperluas kepada Orang Asli dan bilal masjid terutama bagi musim haji tahun depan.

Perkara itu dimaklumkan Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri, Datuk Jailani Ngah ketika menyambut seramai 392 jemaah haji tajaan program haji berkenaan yang selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kira-kira jam 9.20 malam kelmarin dengan pesawat Saudi Airlines.

Jailani yang juga pengerusi program haji berkenaan berkata, buat julung kalinya, seramai lima Orang Asli dari

seluruh negara terpilih untuk mengerjakan haji bagi musim haji tahun ini yang kebanyakannya terdiri daripada tok batin dan ketua kampung.

Menurutnya, pihaknya menasarkannya untuk membawa seramai 30 tok batin ke Makkah bagi musim haji tahun depan.

"Hasrat membawa lebih ramai Orang Asli ke Mekah turut disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebelum ini yang mahu masyarakat pribumi itu diberi peluang sama seperti di-
raih Ketua Kampung; Pengerusi Jawa-tankuasa, Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta imam.

"Bagi memastikan hasrat itu tercapai, kami akan membuat saringan dan sesi temuduga kepada lebih ra-



JAILANI (tengah) bersama jemaah haji Program Khas Haji YAB di KLIA.

mai Orang Asli yang berminat untuk menunaikan ibadah itu tahun depan," katanya.

Katanya, pihaknya juga akan menganjurkan kursus haji kepada Orang Asli yang berminat mengikuti program haji itu bagi memberi pendedahan sebenar me-

ngenai rukun ibadah haji sebelum melalui ditemu duga dan saringan.

Dalam perkembangan sama, Jailani berkata, pihaknya turut merancang membawa 400 bilal masjid bagi musim haji tahun depan bagi memberi peluang sama rata seperti yang ditawarkan ke-

pada imam masjid, Pengerusi JKKK dan Ketua Kampung.

Katanya, bagi kuota program haji tahun depan, 400 tempat akan diberi khusus kepada bilal manakala, 200 diberi kepada Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK sementara, 200 tempat lagi diberi kepada imam.

FAKTA
Sasar bawa 30 tok batin ke Makkah tahun depan